

MEDIA BERUNSUR AGRESIF DAN HUBUNGANNYA TERHADAP TINGKAHLAKU PELAJAR

Nor Hayati Fatmi Talib, PhD
Yati_6709@yahoo.com.
Amri Abdullah
Politeknik Nilai, Negeri Sembilan

Bani Hidayat Mohd Shafie, PhD.
bani_3738@yahoo.com
IPG Kampus Pendidikan Islam. Bangi

Abstrak

Era globalisasi menyediakan ruang interaksi yang terbuka luas dengan media kepada semua peringkat usia merentasi sempadan geografi. Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap keterlibatan pelajar dari segi ciri-ciri media agresif yang ditonton, faktor menonton, kesannya kepada tingkahlaku pelajar dan sikap ibubapa terhadap pelajar yang menonton media agresif. Kajian kuantitatif secara tinjauan ini dijalankan dalam kalangan 428 orang pelajar menggunakan instrumen Azizi et.al (2014) dan data dianalisis menggunakan SPSS versi 23.0. Hasil kajian mendapati ciri-ciri program media berunsur agresif berada pada tahap sederhana (SM=3.33; SP=0.75), punca-punca pelajar menonton pada tahap sederhana (SM=3.25; 0.72), kesan media adalah tinggi (SM=3.99; SP=0.86) dengan nilai keseluruhan kod semula dan sikap ibubapa juga berada pada tahap sederhana (SM=3.64; SP=1.21). Terdapat hubungan yang signifikan antara kesan media berunsur agresif dengan ciri-ciri media agresif yang ditonton dengan nilai hubungan negatif $r=-.228$, $n=428$, $p=0.000<0.05$, dengan punca-punca pelajar menonton dengan nilai hubungan negatif $r=-.384$, $n=428$, $p=0.000<0.05$. Terdapat hubungan yang signifikan juga antara sikap ibubapa terhadap pelajar yang menonton media agresif dengan ciri-ciri media agresif dengan nilai hubungan negatif $r=-.456$, $n=428$, $p=0.000<0.05$, dengan punca-punca pelajar menonton dengan nilai hubungan negatif $r=-.414$, $n=428$, $p=0.000<0.05$ dan dengan kesan menonton media berunsur agresif dengan nilai hubungan positif $r=.504$, $n=428$, $p=0.000<0.05$. Dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai input dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan komunikasi dan media di mana pensyarah boleh memberikan penekanan khusus agar pelajar menggunakan media untuk kebaikan dan berupaya menyaring media yang ditonton. Kajian atau tindakan lanjut perlu dilaksanakan agar tingkahlaku agresif pelajar dapat dibentuk dan institusi tidak berhadapan dengan kejadian agresif atau keganasan di institusi.

Kata kunci: Media, Kesan Media Agresif, Sikap Ibu bapa dan Tingkahlaku Pelajar

Abstract

Globalization era provided interaction space that is wide open with media to all age level across geographical borders. This study intend to identify student involvement level in terms of aggressive media features is viewed, factor watch, its impact to student behavior and parent's attitude towards student that watch aggressive media. Quantitative research by this survey carried aout among 428 sudents use Azizi et.al's instrument (2014) and data analysed use SPSS version 23.0. This study found that media characterized bg aggressive at moderate level (SM=3.33: SP=0.75), student causes watch at moderate level (SM=3.25; 0.72), effect of media is high (SM=3.99; SP=0.86) with recode value and parent's attitude also at moderate level (SM=3.64; SP=1.21). There is significant relationship between effect of aggressive media characterized with aggressive media features is viewed with r negative relation value $r=-.228$,

n=428, $p=0.000<0.05$, with student causes watch with r negative relation value $r=-.384$, n=428, $p=0.000<0.05$. There is also significant relationship between parent's attitude towards student that watch aggressive media with aggressive media features with r negative value $r=-.456$, n=428, $p=0.000<0.05$, with students causes watch with r negative relation value $r=-.414$, n=428, $p=0.000<0.05$ and with effect watch media characterized by aggressive with r positive relationship value $r=.504$, n=428, $p=0.000<0.05$. This study findings can make as an input in implementation of the teaching and course learning related communication and media where lecturer can give special emphasis so that student use media for good and able to select media is viewed. Study or further action need to be implemented so that student aggressive attitude can be shaped and institution not face aggressive incident or violence in institution.

Keywords: Media, Effect Aggressive Media, parent's attitude & student attitude

Media secara umumnya merupakan alat atau saluran yang penting dalam perhubungan bagi menyampaikan maklumat dalam masa yang singkat yang luas jangkauannya. Media massa berperanan dalam mendidik masyarakat, menjayakan idea dan gagasan, menurunkan nilai, norma, kesenian dan warisan bangsa (Mohd Ayop, 2015). Dunia didedahkan dengan pelbagai bentuk media samada media cetak atau media elektronik yang mudah digunakan bagi pelbagai aktiviti dan keperluan. Dengan perkembangan masa, manusia lebih cenderung menggunakan media elektronik berbanding media cetak kerana keupayaannya lebih pantas dalam penyebaran maklumat ke seluruh dunia. Dengan kecenderungan dan ruang pengaruh yang besar ini, media massa perlu dikawal agar mempunyai nilai-nilai positif bagi membina generasi masa depan dan terhindar dari gejala negatif dan elemen-elemen agresif yang membawa kepada tingkahlaku yang negatif dan agresif.

Menurut Marzuki et. al (2016), media massa adalah medium perantara yang mengandungi dan mentransmisi sesuatu maklumat yang terdiri daripada media cetak dan media elektronik. Jabatan Penerangan Malaysia (2019) menyatakan bahawa media massa berperanan penting dalam semua aspek kehidupan manusia merangkumi pendidikan, penyebaran informasi, perniagaan, alat komunikasi, hiburan, penyebaran propaganda, membina pengaruh dan pelbagai tanggung jawab sosial yang lain.

Terdapat banyak kajian telah dijalankan bagi meneliti kesan media terhadap tingkahlaku pelajar, antaranya kajian Rosly Kayar (2007) mendapati terdapat penyalahgunaan yang berleluasa media massa kini telah memberi pengaruh negatif terhadap akhlak pelajar. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Ab. Halim dan Zarin (2009), Buerah et.al (2012) dan Wan Norina et. Al (2013) yang menyatakan bahawa media massa menyumbang kepada kesan negatif terutamanya keruntuhan akhlak pelajar. Nurul Husna (2019) menyatakan bahawa golongan remaja adalah golongan yang paling mudah dan terjebak dengan pengaruh negatif. Kajian-kajian ini jelas menunjukkan gambaran kesan kepada lambakan bahan negatif termasuk bahan agresif di media yang terhidang di hadapan serta boleh dicapai dengan mudah oleh pelajar di usia remaja akan mengundang kepada pengaruh yang kemudiannya memberi kesan besar kepada kehidupan pelajar tersebut secara langsung, keluarga dan pembangunan Negara.

Sohana (2016) pula melihat bahawa pengaruh media massa adalah berbeza-beza bergantung kepada corak pemikiran, sifat individu, gaya hidup sosial dan budaya seseorang. Kajian juga mendapati pelajar banyak terdedah kepada media yang berunsur tidak bermoral dan memberi kesan negatif antaranya pembaziran masa, tingkahlaku agresif, tekanan dan sebagainya sehingga ada yang membawa kepada cubaan membunuh diri. Keadaan ini berlaku kerana terlalu taksab, kecewa, terpengaruh dan tertekan (Abdul Munir, 2016; Fazlinda 2019; Azizi Yahaya et al, 2014; dan Alzahrin & Mohd Nasaruddin, 2015).

Sikap ibubapa juga mempunyai impak tersendiri dalam mendidik anak-anak untuk hidup, berfikir, bertindak, mempunyai kepercayaan dan pegangan yang betul. Ibubapa yang lebih dewasa dan matang perlu membantu, memandu dan menunjuk arah yang betul kepada anak-anak yang masih mentah. Dari segi kawalan media juga, bimbingan dan pengawasan ibubapa mampu menyekat pengaruh negatif media dalam kalangan anak-anak. Kajian Mardhiyyah dan Nurazan (2016) menunjukkan bahawa ibu bapa sangat berpengaruh dalam membina personaliti, keperibadian serta ketokohan anak melalui dua bentuk iaitu memberi gambaran atau persepsi yang positif kepada anak

Pengajian peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga mempunyai elemen komunikasi dan media yang sebahagiannya merupakan kursus teras telah memberikan pelbagai pendedahan kepada konsep-konsep komunikasi dan penyiaran, pengurusan komunikasi dan penyiaran serta isu-isu komunikasi dan penyiaran yang melibatkan pelbagai media samaada media elektronik atau media cetak. Pelbagai pendedahan diberikan agar pelajar-pelajar mampu menggunakan media dengan cara yang terbaik dan dapat menyaring apa yang terkandung dalam media agar memberi manfaat kepada semua pihak. Pengkaji merupakan sebahagian pensyarah yang mengajar kursus ini melihat ada keperluan mengetahui sebahagian maklumat tentang media dari persepsi pelajar. Antaranya berkaitan dengan media yang berunsur agresif bagi membantu penerapan nilai dan memperkukuhkan sesi pengajaran dan pembelajaran kursus ini. Antara kajian yang dibuat adalah kajian ini yang merupakan sebahagian daripada kajian-kajian lain yang memudahkan pelaksanaan kursus ini yang menyediakan input berguna kepada pelajar, pensyarah dan institusi.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar di salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi mengenalpasti sebahagian aspek yang berkait langsung dengan penawaran kursus Komunikasi dan Media secara umumnya dan secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:

1. Apakah tahap ciri-ciri program media yang berunsur agresif yang disukai pelajar?
2. Apakah tahap punca-punca pelajar menonton media berunsur agresif?
3. Apakah tahap kesan-kesan media berunsur agresif terhadap tingkahlaku pelajar?
4. Bagaimanakah sikap ibubapa terhadap pelajar yang menonton media berunsur agresif?

5. Adakah terdapat hubungan antara ciri program media agresif, punca pelajar menonton, kesan media berunsur negatif dan sikap ibubapa apabila anak-anak menonton media berunsur agresif?

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian kuantitatif ini adalah berbentuk deskriptif dan inferensi bagi memenuhi tujuan kajian ini iaitu pengaruh media agresif dan kesannya terhadap tingkahlaku pelajar. Kajian ini menggunakan instrumen kajian yang dibangunkan oleh Azizi et al (2014) dengan nilai alpha Cronbach 0.76 yang menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen adalah kuat. Instrumen menggunakan skala pemeringkatan Likert 1 hingga 5 bagi mengukur maklumbalas sampel kajian.

Data ditakbirkan secara atas talian (Google Form) dengan mengedarkan pautan kepada kumpulan pelajar secara rawak melalui whatsapp semua pelajar. Penggunaan kaedah ini dibuat kerana ianya senang ditadbir dan mudah untuk analisis. Kajian ini melibatkan semua pelajar di salah sebuah IPT sesi Jun 2019 merangkumi semester 1 hingga semester akhir. Keseluruhan pelajar adalah 2575 orang dimana 428 orang melebihi dari saiz sampel yang disarankan (338 orang) untuk dijadikan sampel kajian ini bagi. Saiz sampel yang lebih besar akan lebih menguatkan dapatan kajian.

Data yang diperolehi diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version 23.0* (SPSS V 23.0). Analisis secara deskriptif menggunakan frekuensi, skor min dan sisihan piawai. Data juga diproses secara inferensi secara hubungan Kolerasi Pearson. Skala interpretasi yang digunakan bagi memerihal dapatan tahap secara deskriptif adalah sebagaimana Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Skala Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi
1.0 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Sanger 2007

Skala interpretasi bagi memerihal kekuatan hubungan pula adalah berdasarkan saranan Cohen (1988) seperti Jadual 2 berikut:

Nilai r (Kolerasi)	Interpretasi
+0.10 - +0.29	Lemah
+0.30 - +0.49	Sederhana
+0.50 - +1.00	Tinggi

Sumber: Cohen (1988)

DAPATAN DAN PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dan perbincangan dapatan kajian dipaparkan berdasarkan persoalan kajian. Perbincangan dimulakan dengan paparan demografi sampel kajian, diikuti dapatan deskriptif ciri program media yang boleh mempengaruhi tingkahlaku pelajar, punca pelajar menonton media berunsurkan agresif, kesan media berunsur agresif dan sikap ibubapa terhadap aspek yang dikaji. Jadual 3 di bawah memaparkan demografi sampel kajian:

Jadual 2

Demografi Sampel Kajian

Demografi (N=428)	N	%
Jabatan Pengajian		
JP	267	62.4%
JKM	57	13.3%
JAB	104	24.3%
Semester Pengajian		
Semester 1	80	18.7%
Semester 2	48	11.2%
Semester 3	34	7.9%
Semester 4	20	4.7%
Semester 5 ke atas	246	57.5%
Jantina		
Lelaki	113	26.4%
Perempuan	315	73.6%
Bangsa		
Melayu	381	89%
Cina	11	2.6%
India	23	5.4%

Lain-lain	13	3.0%
-----------	----	------

Sumber: Data Lapangan

Seramai 428 orang pelajar menjawab soal selidik secara atas talian ini (*google form*). Kebanyakan pelajar yang menjawab soal selidik ini adalah pelajar JP iaitu seramai 267 orang (62.4%), pelajar semester 5 ke atas iaitu 246 orang (57.5%), pelajar perempuan iaitu 315 orang (73.6%) dan yang berbangsa Melayu iaitu 381 orang (89%). Paparan demografi sampel kajian boleh dilihat secara terperinci sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di atas.

a. Ciri-ciri Program Media yang Berunsur Agresif

Dapatan ciri-ciri program media yang berunsurkan agresif dipaparkan dalam jadual 4 di bawah:

Jadual 3

Taburan Maklumbalas Mengikut Frekuensi, Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Ciri-ciri Program Media yang Boleh Mempengaruhi Tingkahlaku Agresif Pelajar

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=428)							
		STS	TS	KS	S	SS	Min	SP	Thp
B1	Saya suka menonton rancangan TV yang menayangkan aksi perlawanan/konflik (<i>gusti, smallville, prsison break</i>)	46	83	125	94	80	3.18	1.25	S
B2	Saya suka bermain <i>game</i> yang berbentuk aksi perlawanan seperti tembak-menembak dan tinju.	73	69	50	120	116	3.32	1.45	S
B3	Saya suka menonton rancangan drama yang ada aksi perlawanan.	47	74	86	106	115	3.39	1.34	S
B4	Saya menonton media yang berunsur lucu	287	55	40	20	26	1.70	1.19	R
B5	Saya suka menonton filem perdebatan	88	98	119	67	56	2.78	1.30	S
B6	Saya menonton yang lebih kepada gengsterisme	128	91	91	56	62	2.61	1.40	S
B7	Saya suka menonton program animasi yang ada memaparkan ciri perlawanan	62	87	88	104	87	3.20	1.39	S
B8	Saya suka menonton kisah benar yang memaparkan pembunuhan, peperangan, konflik	50	39	109	102	128	3.51	1.32	S

B9	Saya menonton filem percintaan yang ada aksi perebutan, persaingan, pergaduhan antara dua pihak filem bollywood)	53	73	142	68	92	3.17	1.29	S
B10	Saya menonton cerita seram	56	21	50	104	197	3.85	1.39	T
Keseluruhan							3.33	0.75	S

Sumber: Data Lapangan

Jadual 3 diatas memaparkan taburan data pelajar berkaitan dengan ciri-ciri program media agresif yang ditonton oleh pelajar. Item B4 telah dikod semula dan data kod semula digunakan dalam data keseluruhan sahaja. Daripada 10 item yang ada 1 item berada pada tahap tinggi iaitu item B10 '*saya suka menonton cerita seram*' dengan skor min 3.85 (SP=1.39). 1 item berada tahap rendah iaitu item B4 '*saya menonton media berunsur lucu*' dengan skor min 1.70 (SP=1.19). 8 item lagi berada di tahap sederhana dengan skor min 2.61 (SP=1.40) hingga skor min 3.51 (SP=1.32). Dengan skor min tertinggi iaitu item '*saya suka menonton cerita seram*' ini dapat kita lihat bahawa mereka sangat gemarkan cerita seram yang boleh memberikan kesan tertentu kepada pemikiran dan kepercayaan mereka juga. Menonton media yang berunsur lucu walaupun berada pada tahap rendah tetapi dilihat sebagai sesuatu yang membimbangkan kerana perbuatan ini boleh meransang kepada masalah sosial yang lain. Secara keseluruhan, pelajar berminat menonton media yang mempunyai ciri-ciri agresif berada pada tahap sederhana iaitu pada skor min 3.33 (SP=0.75).

Dapatan kajian ini telah mengetengahkan bahawa pelajar-pelajar juga terdedah dengan media secara global termasuklah media berunsur agresif. Kajian yang dijalankan ini telah memaparkan bahawa pelajar paling cenderung memilih media yang yang berunsur seram (tahap tinggi) dan kisah benar yang berunsur pembunuhan, peperangan dan konflik (Tahap sederhana). Kecenderungan ini agak membimbangkan kerana pelajar mungkin terdedah kepada kehidupan mistik dan juga bentuk-bentuk keganasan selain mengganggu fokus utama pelajar dalam mendalami ilmu dan kemahiran serta pembangunan diri. Walaubagaimanapun, pelajar-pelajar kurang cenderung menonton media berunsur lucu (tahap rendah) berbanding dengan ciri-ciri media yang lain. Diri sendiri dilihat sebagai punca utama kenapa pelajar menonton media agresif.

Dapatan kajian ini telah mengetengahkan bahawa pelajar-pelajar juga terdedah dengan media secara global termasuklah media berunsur agresif. Kajian yang dijalankan ini telah memaparkan bahawa pelajar paling cenderung memilih media yang yang berunsur seram (tahap tinggi) dan kisah benar yang berunsur pembunuhan, peperangan dan konflik (Tahap sederhana). Kecenderungan ini agak membimbangkan kerana pelajar mungkin terdedah kepada kehidupan mistik dan juga bentuk-bentuk keganasan selain mengganggu fokus utama pelajar dalam mendalami ilmu dan kemahiran serta pembangunan diri. Walaubagaimanapun, pelajar-pelajar kurang cenderung menonton media berunsur lucu (tahap rendah) berbanding dengan ciri-ciri media yang lain.

b. Punca-Punca Pelajar Menonton Media Berunsur Agresif

Dapatan punca-punca pelajar menonton media yang berunsurkan agresif dipaparkan dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4

Taburan Maklumbalas Mengikut Frekuensi, Skor Min, Sisihan Piawai bagi Punca-punca Pelajar Menonton Media yang Berunsur Agresif

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=428)							
		STS	TS	KS	S	SS	Min	SP	Thp
C1	Memberi dorongan kepada saya untuk menjadi seorang hebat, kuat, berani	33	53	139	118	85	3.39	1.16	S
C2	Lebih bersemangat untuk melakukan latihan agar boleh menjadi seperti watak utama dalam filem	46	62	172	95	53	3.11	1.13	S
C3	Dapat menjadikan diri saya seorang boleh menghadapi masalah, konflik dan halangan dengan berani	24	44	127	129	104	3.57	1.13	S
C4	Boleh memberi semangat kepada saya untuk menjadi ketua dalam kumpulan	31	57	127	113	100	3.45	1.19	S
C5	Terpengaruh menonton/permainan game yang agresif (<i>counter-strike, call of duty, general</i>)	123	113	69	73	50	2.56	1.37	S
C6	Aksi agresif boleh digunakan apabila diri terancam (ugutan, buli, pertengkaran)	53	46	115	127	87	3.35	1.26	S
C7	Saya dapat aplikasikan apa yang saya lihat untuk membantu orang lain yang dibuli/diugut oleh kumpulan jahat	51	30	124	136	87	3.42	1.23	S
C8	Menjadi seorang yang terhebat, berpengaruh diantara rakan-rakan yang lain	83	78	146	68	53	2.84	1.26	S
C9	Diajak oleh rakan-rakan	122	85	91	68	62	2.68	1.41	S
Keseluruhan							3.25	0.72	S

Sumber: Data Lapangan

Jadual 4 memperincikan dapatan punca-punca pelajar menonton media yang berunsurkan agresif. Item C5 telah dikod semula dan data kod semula digunakan dalam data keseluruhan sahaja. Skor min tertinggi adalah bagi item C3 ‘*dapat menjadikan diri saya dapat menghadapi masalah atau konflik*’ iaitu pada skor min 3.57 (SP=1.13) menunjukkan ini adalah antara punca utama mereka ingin menonton media yang berunsurkan agresif. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Abdul Munir (2016), Fazlinda (2019), Azizi Yahaya et al (2014) dan Alzahrin & Mohd Nasaruddin (2015). Manakala, skor min terendah adalah item C5 ‘*terpengaruh dalam permainan game yang agresif*’ dengan skor min 2.56 (SP=1.37). Secara keseluruhannya, kesemua 9 item menunjukkan tahap sederhana berdasarkan Jadual 5 dengan skor min 3.25 (SP=0.72). Dapatan memperlihatkan banyak punca yang mendorong pelajar menonton media yang berunsurkan agresif. Walaupun kesemua punca-punca yang tersenarai dalam kajian ini berada pada tahap sederhana, pengkaji berpandangan pelajar-pelajar ini perlu diberikan bentuk pemahaman yang tepat agar bahan yang ditonton tidak memberikan kesan negatif kepada kehidupan pelajar. Diri sendiri dilihat sebagai punca utama kenapa pelajar menonton media agresif.

c. Kesan-kesan Media Berunsur Agresif

Dapatan kesan-kesan media yang berunsurkan agresif dipaparkan dalam Jadual 6 di bawah:

Jadual 5

Taburan Maklumbalas Mengikut Frekuensi, Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Kesan-kesan Media Berunsur Agresif

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=428)								
		STS	TS	KS	S	SS	Min	SP	Thp	
D1	Saya akan bergaduh/berkelahi untuk menyelesaikan masalah yang timbul	228	66	76	31	27	1.98	1.23	R	
D2	Saya mengugut seseorang	281	52	67	7	21	1.68	1.10	R	
D3	Saya membuli seseorang	301	63	35	14	15	1.55	1.02	R	
D4	Saya menengking dan memaki seseorang	243	73	54	20	38	1.92	1.29	R	
D5	Saya merosakkan kemudahan awam	310	54	28	20	16	1.55	1.05	R	
D6	Saya terdorong untuk menyertai kumpulan haram	341	13	46	3	25	1.50	1.10	R	
D7	Saya akan bertindak balas dengan segera bila berasa diri dianiaya.	89	50	155	79	55	2.91	1.28	S	
D8	Saya menggunakan kata-kata yang kurang sopan/ lucah	239	69	63	21	36	1.94	1.29	R	

D9	Saya memiliki benda/alat yang boleh membahayakan seseorang	317	42	44	15	10	1.50	0.97	R
D10	Saya dengan segera menolong kawan saya yang apabila dia bertengkar dan disakiti oleh pihak lawan	40	30	126	128	104	3.53	1.20	S
Keseluruhan							3.99	0.86	T

Sumber: Data Lapangan

Jadual 5 di atas menunjukkan taburan data maklumbalas pelajar berkaitan dengan kesan-kesan media berunsurkan agresif terhadap mereka. 2 item berada pada tahap sederhana manakala 8 item pada tahap rendah. Skor min tertinggi (tahap sederhana) adalah bagi item D10 iaitu item '*saya dengan segera menolong kawan saya yang apabila dia bertengkar dan disakiti oleh pihak lawan*' dengan skor min 3.53 (SP=1.20) dan skor min terendah adalah bagi item D6 iaitu item '*saya terdorong untuk menyertai kumpulan haram*' dengan skor min 1.50 (SP=1.10) dan item D9 iaitu item '*saya memiliki benda/alat yang boleh membahayakan seseorang*' dengan skor min 1.50 (SP=0.97). Dapatan kajian yang rendah adalah lebih baik daripada dapatan yang tinggi kerana item-item yang ada adalah negatif dan kesemuanya dikod semula bagi paparan data keseluruhan iaitu skor min 3.99 (SP=0.86).

Data bagi di setiap item adalah dikekalkan data asal sebelum kod semula keseluruhan item dibuat. Paparan data agak membimbangkan walaupun rendah kerana boleh mendatangkan risiko dan masalah di institusi dan perkembangan diri pelajar contohnya bagi item D5 '*saya merosakkan kemudahan awam*' dengan skor min 1.55 (SP=1.05). Data memperlihatkan seramai 310 orang pelajar daripada 428 tidak akan merosakkan kemudahan awam manakala bakinya berisiko merosakkan kemudahan awam. Item D9 iaitu '*saya memiliki benda/alat yang boleh membahayakan seseorang*'. Data memperlihatkan 317 orang daripada 428 pelajar yang tidak memiliki benda/alat yang boleh membahayakan seseorang manakala bakinya memiliki benda/alat yang boleh membahayakan orang lain. Risiko kemalangan boleh berlaku terutamanya pelajar yang mengingap di kamsis. Penelitian lanjut dan tindakan pencegahan perlu dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab agar tidak berlaku sebarang trajedi yang tidak diingini. Dapatan kajian ini menegahkan kesan media terhadap tingkahlaku pelajar dan ianya selari dengan kajian Rosly Kayar (2007), Ab. Halim dan Zarin (2009), Buerah et.al (2012) dan Wan Norina et. Al (2013) yang menyatakan bahawa media boleh memberikan kesan negatif terutamanya keruntuhan akhlak pelajar. Walaupun kesannya berbeza-beza bergantung kepada individu (Sohana, 2016).

Walaupun kajian ini mendapati, terdapat kesan-kesan media berunsur agresif kepada pelajar dan ianya berada pada tahap rendah. Kemungkinan berlaku keadaan yang berbeza kerana sampel kajian ini kebanyakannya adalah perempuan (74%) mungkin belum memberi gambaran yang paling tepat kepada fenomena ini, tetapi gambaran awal boleh dilihat bahawa pelajar cenderung untuk mengambil tindakan segera apabila berasa diri dianiyai serta mampu membantu kawan jika kawan bertengkar atau disakiti. Dapatan yang membimbangkan walaupun hanya segelintir sahaja adalah berkaitan dengan kecenderungan pelajar mengugut, membuli, memaki,

vandalism, terlibat dengan kumpulan haram, memiliki benda/alat yang boleh membahayakan orang lain dan sebagainya. Ibumama juga dilihat bersikap sederhana apabila mendapati anak-anak menonton media berunsur agresif. Keadaan ini membuka ruang kepada anak-anak (pelajar) boleh melayari media agresif yang kemudiannya terpengaruh kepada media yang ditonton.

d. Sikap Ibumama apabila Pelajar Menonton Media Berunsur Agresif

Dapatan sikap ibumama apabila pelajar menonton media yang berunsurkan agresif dipaparkan dalam Jadual 7 di bawah:

Jadual 6

Taburan Maklumbalas Mengikut Frekuensi, Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Sikap Ibumama apabila Pelajar Menonton Media Berunsur Agresif

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=428)							
		STS	TS	KS	S	SS	Min	SP	Thp
		1	2	3	4	5			
E1	Ibumama membiarkan saya menonton/membaca/bermain media yang berunsur agresif	173	64	130	39	22	2.24	1.22	R
E2	Ibumama juga ikut sekali menonton apabila saya menonton media yang beraksi agresif	150	79	122	47	30	2.36	1.26	S
E3	Ibumama menghukum apabila mendapati saya menonton/membaca/bermain game media yang berunsur agresif	91	106	120	56	55	2.72	1.29	S
E4	Ibumama hanya membenarkan saya menonton rancangan pendidikan sahaja	99	91	144	41	53	2.67	1.27	S
E5	Ibumama tidak ambil tahu tentang apa saja media yang dibaca/ditonton	170	114	91	36	17	2.10	1.14	R
E6	Seisi keluarga menonton bersama filem baru walaupun mempunyai unsur agresif	141	75	100	80	32	2.50	1.32	S
E7	Ibumama membeli filem berunsur agresif untuk ditonton bersama dirumah bersama anak-anak	229	63	82	31	23	1.96	1.23	R
E8	Ibumama tidak menegur walaupun saya banyak menonton media berunsur	206	73	85	48	16	2.05	1.21	R

Jadual 6 di atas memperincikan sikap ibubapa apabila pelajar menonton media berunsurkan agresif. Kesemua item telah dikod semula dan data kod semula digunakan dalam data keseluruhan sahaja. Daripada 8 item, terdapat 4 item berada pada tahap rendah dan 4 item berada pada tahap sederhana dan keseluruhannya berada pada tahap sederhana iaitu pada skor min 3.64 (SP=1.21). Skor min tertinggi adalah bagi item E3 iaitu *'ibubapa menghukum apabila mendapati saya menonton/membaca/bermain game media yang berunsur agresif'* iaitu dengan skor min 2.72 (SP=1.29) iaitu berada pada tahap sederhana. Skor Min terendah adalah bagi item E7 iaitu *'ibubapa membeli filem berunsur agresif untuk ditonton bersama dirumah bersama anak-anak'* iaitu dengan skor min 1.96 (SP=1.23) dan secara keseluruhannya adalah berada pada tahap sederhana iaitu dengan skor min 3.64 (SP=1.21). Sikap ibubapa dilihat sebagai sederhana dalam menangani anak-anak menonton media berunsurkan agresif. Sebahagian aspek pula dilihat kelonggaran peranan ibubapa dalam mengawal anak-anak daripada menonton media berunsur agresif.

Pengkaji melihat suatu keperluan bagi ibubapa untuk bertindak mengawal apa yang ditonton oleh anak-anak dan mengambil tindakan yang sewajarnya agar apa yang ditonton oleh anak-anak tidak memberi impak negatif kepada perkembangan anak-anak. Pandangan ini selari dengan dapatan kajian Mardhiyyah dan Nurazan (2016) yang mendapati ibubapa sangat berpengaruh dalam pembentukan anak-anak.

e. Hubungan Ciri Program Media Agresif, Punca Pelajar Menonton, Kesan Media Berunsur Negatif dan Sikap Ibubapa Apabila Anak-Anak Menonton Media Berunsur Agresif.

Dapatan kajian hubungan ciri program media agresif, punca pelajar menonton, kesan media berunsur negatif dan sikap ibubapa apabila anak-anak menonton media berunsur agresif diperincikan dalam jadual-jadual di bawah:

Jadual 7

Hubungan Ciri-Ciri Program Media Agresif dengan Kesan Media Agresif

		Kesan-kesan Media Agresif Skor Min 3.99 (SP=0.86)
Ciri-ciri Program Media Agresif	Pearson Correlation	-.228**
Skor Min 3.33 (SP=0.75)	Sig. (2-tailed)	.000
	N	428

** Aras Signifikan Kolerasi pada 0.05

Hasil analisis kolerasi antara ciri-ciri program media agresif dengan kesan media agresif mendapati terdapat hubungan negatif yang lemah antara ciri-ciri program media agresif dengan kesan media agresif iaitu $r=-.228$, $n=428$, $p=0.000<0.05$. Dapatan ini sekaligus menunjukkan bahawa pemilihan program media agresif memberi kesan kepada tingkahlaku pelajar.

Jadual 8

Hubungan Punca-punca Menonton Program Media Agresif dengan Kesan Media Agresif

		Kesan-kesan Media Agresif Skor Min 3.99 (SP=0.86)
Punca-punca Menonton Program Media Agresif Skor Min 3.25 (SP=0.72)	Pearson Correlation	-.384**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	428

** Aras Signifikan Kolerasi pada 0.05

Hasil analisis kolerasi antara punca-punca menonton program media agresif dengan kesan media agresif mendapati terdapat hubungan negatif yang sederhana antara punca-punca menonton program media agresif dengan kesan media agresif iaitu $r=-.384$, $n=428$, $p=0.000<0.05$. Dapatan ini sekaligus menunjukkan bahawa punca-punca menonton program media agresif juga memberi kesan kepada tingkahlaku pelajar.

Jadual 9

Hubungan Ciri-ciri Program Media Agresif dengan Sikap Ibumama Terhadap Pelajar Menonton Media Agresif

		Sikap Ibumama Terhadap Pelajar Menonton Media Agresif Skor Min 3.64 (SP=0.76)
Ciri-ciri Program Media Agresif Skor Min 3.33 (SP=0.75)	Pearson Correlation	-.456**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	428

** Aras Signifikan Kolerasi pada 0.05

Hasil analisis kolerasi antara ciri-ciri program media agresif dengan sikap ibumama terhadap pelajar yang menonton media berunsur agresif mendapati terdapat hubungan negatif yang sederhana antara punca-punca menonton program media agresif

dengan kesan media agresif iaitu $r=-.456$, $n=428$, $p=0.000<0.05$. Dapatan ini sekaligus menunjukkan bahawa ciri-ciri program media agresif berkait langsung dengan sikap ibubapa terhadap pelajar yang menonton media agresif.

Jadual 10

Hubungan Punca-punca Menonton Program Media Agresif dengan Sikap Iubapa Terhadap Pelajar Menonton Media Agresif

		Sikap Iubapa Terhadap Pelajar Menonton Media Agresif Skor Min 3.64 (SP=0.76)
Punca-punca Menonton Program Media Agresif Skor Min 3.25 (SP=0.72)	Pearson Correlation	-.414**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	428

** Aras Signifikan Kolerasi pada 0.05

Hasil analisis kolerasi antara punca-punca menonton program media agresif dengan sikap ibubapa terhadap pelajar yang menonton media berunsur agresif mendapati terdapat hubungan negatif yang sederhana antara punca-punca menonton program media agresif dengan sikap ibubapa terhadap pelajar yang menonton media berunsur agresif iaitu $r=-.414$, $n=428$, $p=0.000<0.05$. Dapatan ini sekaligus menunjukkan bahawa punca-punca menonton program media agresif berkait langsung dengan sikap ibubapa terhadap pelajar yang menonton media agresif.

Jadual 11

Hubungan Kesan Media Agresif dengan Sikap Iubapa Terhadap Pelajar Menonton Media Agresif

		Sikap Iubapa Terhadap Pelajar Menonton Media Agresif Skor Min 3.64 (SP=0.76)
Kesan-kesan Media Agresif Skor Min 3.99 (SP=0.86)	Pearson Correlation	.504**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	428

** Aras Signifikan Kolerasi pada 0.05

Hasil analisis kolerasi antara kesan-kesan media agresif dengan sikap ibubapa terhadap pelajar yang menonton media berunsur agresif mendapati terdapat hubungan

positif yang tinggi antara kesan-kesan media agresif dengan sikap ibubapa terhadap pelajar yang menonton media berunsur agresif iaitu $r=.504$, $n=428$, $p=0.000<0.05$. Dapatan ini sekaligus menunjukkan bahawa kesan-kesan media agresif berkait langsung dengan sikap ibubapa terhadap pelajar yang menonton media agresif. Dapatan hubungan ini memperlihatkan peranan penting ibu bapa terhadap perkembangan anak-anak (Mardhiyyah & Nurazan, 2016).

Dapatan analisis hubungan memperlihatkan bahawa sikap ibubapa mempunyai kaitan yang tinggi terhadap kesan menonton media berunsur agresif ($r=.504$), diikuti dengan ciri media yang ditonton ($r=-.456$) iaitu tahap sederhana dan punca menonton media berunsur agresif ($r=-.414$). Kesan media agresif pula mempunyai hubungan yang sederhana dengan punca menonton media berunsur agresif ($r=-.384$) dan ciri-ciri media berunsur agresif ($r=-.228$). Tindakan lanjut perlu diambil daripada dapatan ini bagi tujuan pencegahan kejadian tidak diinginkan daripada berlaku bagi keselamatan dan kesejahteraan warga institusi. Pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil tindakan yang sewajarnya agar kampus pengajian dapat dibendung dan dibentasi daripada sebarang perkara negatif termasuklah tingkahlaku agresif.

Kesimpulan

Perkembangan zaman telah memaksimumkan penggunaan media massa dalam kalangan masyarakat dan mengira sempadan usia dan geografi. Era globalisasi menyumbang kepada dunia tanpa sempadan dimana maklumat hanya boleh dicapai diujung jari. Disebalik kehebatan teknologi yang berkembang memberikan banyak kebaikan dan juga membuka ruang kepada aspek yang negatif antaranya bahan media yang berunsur agresif yang boleh memberi kesan dan pengaruh kepada kehidupan manusia. Kajian ini memberikan input berguna kepada pelaksana kursus Teras dalam sistem pengajian di Politeknik Malaysia, Komunikasi dan Penyiaran dalam Islam (DUA6022) dalam menerapkan elemen-elemen yang membantu pelajar apabila meneroka dunia media. Banyak aktiviti pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan berdasarkan item-item yang dikenalpasti melalui kajian ini (mendapat skor rendah) bagi membangunkan keupayaan kesedaran pelajar menggunakan media secara yang wajar, bermanfaat, berfaedah dan mampu meningkatkan potensi diri. Kajian lanjut perlu dilakukan agar pensyarah mempunyai maklumat tentang realiti kehidupan pelajar berkaitan dengan media sekaligus memudahkan pembangunan insaniah pelajar. Ibubapa, institusi dan pihak yang berkepentingan juga mendapat manfaat realiti perkembangan diri remaja dan boleh turut berperanan dalam membangunkan remaja asset negara.

Penghargaan

Terima kasih kepada sekumpulan pelajar semester lima yang membantu menjayakan kajian ini (Ainnul Yaqqin Sawal, Nur Qamarina Muhamad Ali, Mohamad Najib Hussin dan Muhammad Nur Aswad Bais).

Rujukan

Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. 2009. Hubungan antara Pegangan Nilai Moral dengan Media Massa: Tinjauan ke atas Remaja Melayu Luar Bandar. Sari 27 m/s 199-212

- Abdul Munir Ismail. 2016. Pengaruh Media Massa Terhadap Akhlak Remaja, 6 Mei 2019 daripada https://www.researchgate.net/publication/305474305_PENGARUH_MEDIA_MASSA_TERHADAP_AKHLAK_PELAJAR
- Alzahrin Alias dan Mohd Nasaruddin Parzi. 2015. Remaja Terpengaruh Media Sosial, 6 Mei 2019 daripada <https://www.bharian.com.my/node/50941>
- Azizi Yahaya, Gooch Mo Lee, Halimah Ma'alip & Ronnel Dunggi. 2014. Proceeding National Action Research Conference 2014. Melaka, Malaysia 25-26 Jun 2014
- Buerah Tunggak, Maznah Ali, Nurafzan Muhamad & Md. Hamzaimi Azrol Md. Baharuddin. 2012. Delinkuensi Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/Pelajar Muslim Bersepadu. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam: Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Baru. 8-9 Mac 2012.
- Cohen, J. 1998. Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences, 2nd Ed. Hillsdale, NJ: Erlbaum
- Fazlinda Ab Halim. 2019. Impak Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Sosial Pelajar di Kolej Vokasional, 6 Mei 2019, daripada http://active.uthm.edu.my/ejournal/volume/V3ISSUE1/Paper_09.pdf
- Jabatan Penerangan Malaysia. 2019. 1 Mei 2019 daripada <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/isu-nasional/524-kolumnis-akhbar/19387-media-massa-di-negara-kitabertindak-sebagai-agen-penguksuhan-sosial.html> (dicapai 1 Mei 2019)
- Mardhiyyah Zamani dan Nurazan Mohamad Rouyan. 2016. Pengaruh Serta Peranan Ibu Bapa dalam Pembentukan Personaliti dan Keperibadian Syed Qutb: Analisis Autobiografi "Kisah Seorang Anak Kampung" 6 Mei 2019 daripada <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/18608/1/pbmsk-2016-mardhiyyahPengaruh%20Serta%20Peranan%20Ibu%20Bapa%20Dalam%20Pembentukan.pdf>
- Marzuki Sepiaail, Rina Fakhizan Mohd Sukri dan Alias Mat Saad. 2016. Komunikasi dan Penyiaran dalam Islam, Oxford Fajar Sdn.Bhd
- Mohd Ayop Abd Razid. 2015. Media Sebagai Agen Penguksuhan Sosial, 6 Mei 2019, daripada [http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/isu-nasional/524-kolumnisakhbar/19387-media massa -di-negara-kita-bertindak-sebagai-agen-penguksuhan-sosial.html](http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/isu-nasional/524-kolumnisakhbar/19387-media%20massa%20-di-negara-kita-bertindak-sebagai-agen-penguksuhan-sosial.html)
- Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Raihanah Abdullah & Fakhru Adabi Abdul Kadir. 2017. Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita: Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah. Jurnal Hadhari 9 (2): m/s 261-274.
- Rosly Kayar. 2007. Kelangsungan dalam Media dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Agresif Pelajar. *Tesis Sarjana* yang tidak diterbitkan, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sangar, D., Spliker, A., William, N & Belau, D. 2007. Opinion of Female Juvenile Delinquents on Communication, Learning and Violence. *Journal of Correctional Education* 58(1):69-92
- Sohana Abdul Hamid. 2016. Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat 6 Mei 2019, daripada <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/download/15599/4860>
- Wan Norina wan hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff dan Ahmad Arifin Sapar. 2013. Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak

Pelajar Islam Politeknik Malaysia. The Online Journal of Islamic Education.
Januari 2013. Vol. 1. Issue 1, m/s 17-27.